

TRANSKRIP TEMU BUAL GURU 6

LAW, Verbatim Temubual Guru 6, SMK B, (10.07.2013), (3:53)

1 L, TB, G6, SMK B, (10072013), (3:53)

2

3

Pengkaji

4

Selamat pagi cikgu. Apakah yang cikgu faham tentang Pendidikan Alam Sekitar?

5

6

Guru

7

Selamat pagi. Ok. Yang saya faham mengenai pendidikan alam sekitar ini iaitu pendidikan yang terhasil di atas kerumitan dan keperluan yang mendesak ke atas permasalahan alam sekitar, em.. iaitu berkisar kepada menyedarkan manusia kepada keperluan untuk mengekalkan keharmonian dengan alam. Maksudnya disini aa.. proses pembelajaran bagi tujuan memahami interaksi antara manusia dengan alam sekitar.

12

13

Pengkaji

14

Apakah pula Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum?

15

Guru

16

Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum iaitu memerlukan semua matapelajaran **terlibat** dan menyumbang kepada alam sekitar, em...em.. iaitu berkeupayaan memberi sumbangan dalam penyelesaian masalah alam sekitar.

17

18

19

20

Pengkaji

21

Bilakah pendidikan alam sekitar diterapkan di sekolah?

22

Guru

23

Pendidikan alam sekitar diterapkan di sekolah semasa proses pdp lah dan aktiviti ko-kurikulum iaitu melalui pembelajaran secara teori disusuli dengan pembelajaran secara praktikal.

24

25

26

27

Pengkaji

28

Dalam Pengajaran dan pembelajaran cikgu tadi, terangkan kaedah yang cikgu gunakan untuk menerapkan tentang Pendidikan Alam Sekitar?

29

30

Guru

31

Ok. Aa.. Kaedah yang saya gunakan dalam pembelajaran tadi iaitu aa.. kaedah kitar semula, iaitu menggunakan barang-barang terbuang untuk menghasilkan karya seni. Aa.. contohnya, barang terbuang daripada botol plastik atau tisu tandas yang dah habis digunakan.

32

33

34

35

36

Pengkaji

37

Selain dari kaedah yang cikgu sampaikan tadi, apakah kaedah-kaedah lain yang biasa cikgu gunakan untuk menerapkan Pendidikan Alam Sekitar semasa PdP dalam kelas?

38

39

Guru

40

Em.. selain menggunakan kaedah barang terbuang, kadang-kadang lain biasa yang saya gunakan adalah menggunakan **kaedah pengamatan**, iaitu pengamatan atau **penghayatan** terhadap objek atau situasi alam yang sebenar untuk digambarkan di atas kanvas kertas

41

42

43

44

45

Pengkaji

46

Bagaimanakah pula cikgu menerapkan Pendidikan Alam Sekitar dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah?

47

48

- 48 **Guru**
- 49 Aktiviti **ko-kurikulum**, aa.. saya sebagai guru untuk persatuan seni biasanya saya akan
- 50 melakukan aktiviti bawa pelajar buat **kerja lapangan**lah. Selain itu, terlibat dengan
- 51 **kempen alam sekitar, perkhemahan, lawatan** dan sebagainya.
- 52
- 53 **Pengkaji**
- 54 Apakah nilai-nilai murni yang cikgu sampaikan semasa menerapkan Pendidikan Alam
- 55 Sekitar?
- 56 **Guru**
- 57 Nilai-nilai murni yang saya sampaikan secara langsung dalam pendidikan alam sekitar
- 58 iaitu menghargai keindahan alam dan rasa kesyukuran kepada tuhan dan rasa ber-
- 59 tanggungjawab.
- 60
- 61 **Pengkaji**
- 62 Apakah masalah-masalah yang cikgu hadapi semasa menerapkan Pendidikan Alam
- 63 Sekitar?
- 64 **Guru**
- 65 Ok. Masalah yang saya biasa hadapi adalah masalah untuk mendapatkan bahan-bahan
- 66 terbuang dalam kuantiti yang banyak untuk digunakan di dalam PnP. Ada, em.. bila
- 67 suruh pelajar bawa, ada yang tak bawa, ada yang bawa. Aa.. Kalau nak tunggu saya
- 68 sendiri cari, memang tak cukuplah. Masalah yang membawa pelajar tadi tu, masalah
- 69 lain iaitu.. aa.. masalah membawa pelajar keluar ke lapangan iaitu atas faktor kos dan
- 70 persekitaran sekarang ini lah yang kurang selamat.